Kabinet arah isu kolej perubatan diselesaikan

BH 3/7/03

KUAIA LUMPUR: Kabinet mengarahkan Kementerian Kesihatan menyelesaikan isu pengiktirafan ijazah Kolej Perubatan Manipal kampus Melaka berikutan syarat baru yang diperkenalkan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Kabinet semalam, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara peribadi meminta Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, menangani masalah itu.

"Saya turut memaklumkan Kabinet bahawa kolej terbabit sudah memenuhi semua syarat yang ditetapkan Kementerian Pendidikan dan mendapat pengesahan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) sebelum memulakan kursus di kampus Melaka.

"Antara lain, saya difahamkan, MMC mewajibkan pelajar jurusan perubatan kolej berkenaan menduduki peperiksaan kelayakan sebelum berkhidmat sebagai doktor.

"Sejumlah 1,227 pelajar yang kini dalam pelbagai peringkat jurusan perubatan, belum pasti mengenai masa depan mereka berikutan syarat baru MMC ini kerana ijazah mereka mungkin tidak lagi diiktiraf," katanya selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Beliau berkata, kampus di Melaka dijalankan secara program berkembx dengan kampus induk Kolej Perubatan Kasturba di India dan mendapat pengesahan Kementerian kesihatan serta Kementerian Pendidikan.

Samy Vellu juga musykil dengan tindakan MMC mengenakan syarat baru, sedangkan kolej terbabit sudah mendapat pengesahan LAN yang melawat kampus di Melaka serta Kolej Perubatan Kasturba awal tahun ini sebelum menemui MMC bulan lalu.

Beliau juga meminta ibu bapa dan pelajar bersabar kerana kolej yang diasaskan bekas Naib Presiden MIC, mendiang Datuk K Pathmanaban itu ditubuhkan mengikut syarat serta garis panduan yang ditetapkan kerajaan.

Samy Vellu juga berkata, tindakan Universiti Malaya (UM) memperuntukkan satu tempat saja dalam jurusan perubatan kepada pelajar India berbanding 16 tempat pada tahun sebelumnya turut dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Bagaimanapun, beliau yakin isu berkenaan dapat ditangani segera kerana Perdana Menteri memberi jaminan akan menyiasat perkara itu.